

04/06/1999

Bon baru mungkin dalam yen, euro

Mahfar Ali in Tokyo

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mungkin menerbitkan bon baru dalam mata wang yen dan euro berikutan keadaan pasaran dan kadar faedah sekarang semakin baik.

Menurut Perdana Menteri, bon berkenaan akan diterbitkan menggunakan kemudahan jaminan tidak menyeluruh yang ditawarkan Jepun menerusi Pelan Miyazawa, iaitu program bantuan bernilai AS\$17 bilion untuk memulihkan ekonomi negara Asia.

"Sudah tentu Malaysia tertarik dengan tawaran Jepun dan kita akan mengkaji menggunakannya untuk menerbitkan bon, terutama dalam yen kerana pasaran dan kadar faedahnya lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas hasil pertemuannya dengan Naib Menteri Kewangan bagi Hal-Ehwal Antarabangsa Jepun, Eisuke Sakakibara, semalam.

Dalam pertemuan itu, Sakakibara mengambil kesempatan menjelaskan mengenai bon kedaulatan berkenaan dan Dr Mahathir dikatakan berminat menggunakannya.

Baru-baru ini, terbitan bon global Malaysia bernilai AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) di New York mendapat sambutan di luar dugaan apabila mencatat lebih langganan 300 peratus. Terbitan itu yang pertama oleh Malaysia sejak 1990.

Pada sesi soal jawab selepas melancarkan buku karya terbarunya, A New Deal For Asia yang diterbitkan dalam versi bahasa Jepun oleh Tachibana Publishing Inc, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan mengemukakan lagi permintaan untuk mendapat bantuan di bawah program Miyazawa apabila ada keperluan.

Perdana Menteri berkata, inisiatif Jepun mengadakan Pelan Miyazawa banyak membantu negara Asia, terutama Malaysia untuk memulihkan kegawatan ekonomi akibat serangan pedagang mata wang.

Mengenai idea menubuhkan Tabung Mata Wang Asia (AMF) yang dikemukakan Jepun dua tahun lalu, Dr Mahathir berkata Malaysia memberi sokongan penuh terhadap pembentukan AMF, tetapi setakat ini tabung berkenaan belum dimulakan lagi.

"Kalau AMF dibentuk pada waktu itu, saya percaya kegawatan ekonomi negara Asia tidak akan seburuk yang dihadapi kerana pada masa itu kita paling memerlukan wang," katanya.

Menurut Perdana Menteri, inisiatif Miyazawa pula agak lewat dan dananya pula bukan AS\$100 bilion, tetapi lebih kecil iaitu AS\$30 bilion.

Namun, kata beliau, skim itu tetap membantu pemulihan ekonomi Asia, terutama Malaysia.

Dr Mahathir berkata, inisiatif Miyazawa juga masih diperlukan kerana pemulihan ekonomi sesetengah negara Asia tidak secepat Malaysia.

Perdana Menteri juga percaya idea AMF masih boleh dilaksanakan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi di negara Asia.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berharap sidang kemuncak Kumpulan Negara Maju (G7) di Cologne, Jerman, dapat membuat keputusan tegas berhubung isu pembentukan kerangka sistem kewangan antarabangsa.

Menurutnya, keputusan G7 berhubung isu berkenaan penting bagi menstabil dan mendisiplinkan sistem kewangan antarabangsa serta dapat menyumbang ke arah kemakmuran dunia.

"Saya percaya G7 menjadi forum paling sesuai untuk membuat keputusan ini kerana kumpulan itu disertai kuasa besar ekonomi dunia, terutama Amerika

Syarikat," katanya.

Perdana Menteri berkata, perubahan mesti dilakukan bagi mengelak serangan pedagang mata wang berulang hingga meruntuhkan ekonomi kebanyakan negara terutama di Asia.

"Ini kerana tidak ada jaminan serangan pedagang mata wang tidak akan berlaku lagi," katanya.

(END)